

Headline	Negeri lain wajar contohi Johor		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	04 Jun 2013	Language	Malay
Circulation	197,952	Readership	833,287
Section	Dlm Negeri	Color	Full Color
Page No	22	ArticleSize	203 cm ²
AdValue	RM 4,049	PR Value	RM 12,147



Cukai lebih tinggi terhadap 'warga asing' miliki hartanah Negeri lain wajar contohi Johor

Oleh **AFZAN SULAIMAN**

pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 3 Jun - Kerajaan negeri lain wajar mencontohi kerajaan Johor yang mengenakan cukai baharu yang lebih tinggi kepada kira-kira 130,000 warga asing yang mempunyai pegangan atau memiliki hartanah di negeri Johor.

Langkah itu dilihat bukan sahaja dapat mengukuhkan kewangan kerajaan negeri tetapi memberi manfaat kepada rakyat tempatan.

Pensyarah Kanan Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam

Malaysia (USIM), **Mohamad Nooruddin Nooh** berkata, beliau bersetuju dengan kenaikan cukai untuk warga asing di negara ini yang sepatutnya sudah lama dilaksanakan.

"Langkah ini dapat memberi ke-

untungan kepada rakyat tempatan yang dapat menikmati harga hartanah yang lebih rendah.

"Kenaikan cukai tersebut amat sesuai dikenakan di Johor kerana di sana adalah tempat tumpuan warga asing membuat pelaburan," katanya ketika dihubu-

ngi di sini hari ini.

Mengulas kenyataan Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khalid Nordin tentang cukai baharu

itu, katanya, kerajaan negeri lain juga wajar mengambil langkah

yang sama.

Sementara itu, Profesor Ekonomi di Fakulti Ekonomi, Kewangan dan Perbankan, Universiti Utara Malaysia (UUM), **Prof. Amir Baharuddin** berkata, tidak salah jika kenaikan cukai itu bersesuaian dengan peningkatan ekonomi negara.

"Jika peningkatan cukai tersebut dapat memberi pulangan yang berganda serta membantu mengukuhkan pendapatan rakyat tempatan di setiap negeri, apa salahnya langkah itu dilaksanakan," katanya.

“ Jika peningkatan cukai tersebut dapat memberi pulangan yang berganda serta membantu mengukuhkan pendapatan rakyat tempatan di setiap negeri, apa salahnya langkah itu dilaksanakan

AMIR BAHARUDDIN

Profesor Ekonomi di Fakulti Ekonomi, Kewangan dan Perbankan, Universiti Utara Malaysia



AMIR BAHARUDDIN